



# PENDAPAT TABIIN DALAM HURAIAN HADIS: TERMINOLOGI, AUTORITI DAN METODE

(The *Tabi'in*'s Opinion in Interpretation of Hadith: Its Terminology and Methods)

Ahmad Izzuddin Abu Bakar

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

## Article Progress

Received: 11 September 2023

Revised: 2 October 2023

Accepted: 10 November 2023

\*Corresponding Author:  
Ahmad Izzuddin Abu Bakar.

Fakulti Pengajian Quran  
dan Sunnah, USIM.

Email:  
[izzuddin@usim.edu.my](mailto:izzuddin@usim.edu.my)

## Abstract

The *Tabi'in* has its own position in Islam. This is based on repeated acknowledgments either in the Quran or in the hadith. These credits gives them certain merit. As a result of that, there is a discussion about the authority of *Tabi'in*'s opinion. In general, it becomes an important reinforcement in determining the understanding of arguments (*dalil*) and the construction of law. In the science of Syarh Hadith, researchers have categorized *Tabi'in*'s words and actions as one of the methods of explaining hadith. Thus, there is a need to identify who is meant by *Tabi'in*, the level of their opinions' argumentation and the method used in the description of hadith. The appropriate research method for this study is content analysis. The findings are as follows: (1) *Tabi'in* are people who see and meet the prophet's companions and die in Islam. (2) An agreed upon opinion by the *Tabi'in* can be a strong argument while a disputed opinion is not a binding argument. (3) The method in explaining the hadith is as follows: (a) Complying with the meaning of *Zāhir*, (b) Defining the commandment as recommended (*Sunnah*) and the prohibition as disliked (*Makruh*), (c) Excluding the meaning of the hadith for certain circumstances, (d) Taking a more accurate opinion (*Rajih*) according to their *Ijtihad* and (e) Taking different opinions from the hadith without stating other proofs (*Dalil*).

**Keywords:** Hadith Commentary, Hadith Commentary Methode, *Tabi'in*, *Tabi'in* Method, Hadith.

## PENDAHULUAN

Golongan *Tabiin* mempunyai kedudukan yang tersendiri di dalam Islam. Hal ini berdasarkan kepada pengiktirafan yang disebutkan berulangkali samada di dalam al-Quran mahu pun di dalam hadis. Kelebihan ini memberikan mereka fadilat-fadilat tertentu. Al-Quran memuji mereka sebagai kumpulan yang mengikuti jejak langkah Sahabat dengan *Ihsan* iaitu beriman dan beramal soleh:

﴿وَالسَّائِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالذِّينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَّضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعْدَدْ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَارُ حَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذُلِّكَ الْفُؤُرُ الْعَظِيمُ﴾.

“Dan orang-orang yang terdahulu yang awal dari kalangan Muhajirin dan Ansar, dan orang-orang yang menuruti mereka dengan baik, Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Dia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar”<sup>1</sup>.

Ibnu Abi Hatim di dalam tafsirnya membawa riwayat daripada Qatadah yang menyatakan maksud “Orang-orang yang menuruti mereka dengan baik” adalah *Tabiin*<sup>2</sup>.

<sup>1</sup> Al-Taubah: 100.

<sup>2</sup> Abdul Rahman bin Muhammad bin Muhammad Ibnu Abi Hatim al-Razi (1998). Tafsir al-Quran al-Azim. Mekah: Maktabah Nizar Musthafa al-Baz, j. 6, h. 1869.

Hadis menyifatkan Tabiin sebagai generasi yang terbaik selepas Sahabat:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: حَيْثُ النَّاسُ فَرِينِ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَهُمْ، ثُمَّ يَحْيِيُهُ أَفْوَاتُ تَسْبِيقُ شَهَادَةً أَخْلِدُهُمْ بَيْنَهُ، وَكَيْنُهُ شَهَادَةً.

Daripada Abdullah RA, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: Sebaik-baik manusia adalah kurunku, kemudian orang-orang yang selepas mereka, kemudian orang-orang yang selepas mereka. Selepas itu datang suatu golongan yang kesaksian seseorang mereka mendahului sumpahnya dan sumpahnya mendahului kesaksiannya<sup>3</sup>.

Ibnu Hubairah berkata: "Hadis ini menjadi dalil bahawa sebaik-baik manusia adalah orang yang bersahabat dan melihat Rasulullah SAW, kemudian para Tabiin yang mengikuti mereka dengan *Ihsan*<sup>4</sup>".

Oleh yang demikian, pentafsiran Tabiin terhadap teks nas mendapat perhatian dan menjadi topik perbincangan. Wujud perbezaan di kalangan sarjana tentang autoriti pendapat Tabiin. Umumnya, ia menjadi sokongan atau penguat yang signifikan dalam kefahaman dalil dan pembinaan hukum.

Di dalam ilmu Syarah Hadis, para pengkaji telah mengategorikan kata-kata dan perbuatan Tabiin sebagai salah satu kaedah menghuraikan hadis. Antara mereka ialah Dr. Bassam Khalil al-Safadi di dalam bukunya '*Ilm Syarh al-Hadith: Dirasat Ta'shiliyyah Manhajiyah*' dan Dr. Muhammad bin Umar bin Salim Bazammul di dalam bukunya '*Ilm Syarh al-Hadith wa-Rawafid al-Bahth Fihi*'. Justeru, terdapat keperluan untuk mengenal pasti siapakah yang dimaksudkan dengan Tabiin, tahap kehujahan pendapat mereka dan metode yang digunakan di dalam huraian hadis.

Metode kajian yang sesuai bagi kajian ini ialah analisis kandungan. Pengumpulan data-data yang dikehendaki akan diekstrak daripada buku-buku di dalam tajuk berkenaan samada moden atau klasik. Di samping analisa-analisa dalam memberikan penjelasan dan keterangan. Contoh-contoh pula akan dikeluarkan daripada hadis-hadis terpilih di dalam kitab-kitab syarah yang muktabar.

## TERMINOLOGI ISTILAH TABIIN

Kamus Dewan mentakrifkan Tabiin sebagai orang yang bertemu dan berguru dengan para Sahabat tetapi tidak bertemu dengan Rasulullah SAW. Perkataan ini merupakan Kata Serapan yang berasal daripada bahasa Arab<sup>5</sup>. Proses serapan ialah pengambilan kalimah bahasa asing untuk dijadikan bahasa penerima mengikut kaedah dan syarat yang ditetapkan<sup>6</sup>.

Menurut kamus-kamus ekabahasa Arab seperti *al-Mu'jam al-Wasith* dan *al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi*, *Tabi'in* adalah bentuk jamak manakala mufrad bagi perkataan ini adalah *Tabi'*. Akarnya daripada Kata Kerja *Taba'a* 'Yatbi'u' (يَتَبَعُ). Ia boleh diterjemahkan dengan sebagai mengikuti, menuruti dan berjalan di belakang seseorang. Penggunaannya boleh berlaku secara hakiki misalnya mengikuti jejak kaki dan mengikuti seseorang dari belakang. Begitu juga secara maknawi seperti mengikuti cara atau petunjuk<sup>7</sup>.

Kitab-kitab Ulum Hadith mengemukakan dua pendapat berkenaan maksud istilah ini. Pertama, Tabiin adalah orang yang melihat dan menemui Sahabat dan mati dalam Islam. Ibnu Hajar al-Asqalani memilih

<sup>3</sup> Muhammad bin Ismail Al-Bukhari (2005). *Sahih al-Bukhari*. Kitāb al-Syahadat, Bāb La Yashhadu 'Ala Syahadat al-Jaur Iza Ashhada, No: 2652. Riyadh: Bait al-Afkār al-Duwaliyyah, h. 502.

<sup>4</sup> Yahya bin Hubairah bin Muhammad Ibnu Hubairah (1996). *Al-Ifshah Fi Ma'anī al-Shihāh*. Riyadh: Dar al-Wathan, j. 2, h. 49.

<sup>5</sup> Noresah Baharom et al (2005). Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 576.

<sup>6</sup> Anida Sarudin & Nor Hashimah Jalaluddin (2017). Analisis Semantik Kognitif Kata Serapan Arab-Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 2.

<sup>7</sup> Muhammad bin Ya'akub al-Fairuzabadi (2005). *Al-Qamus al-Muhith*. Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 706. Ahmad al-'Āyid et. al. *Al-Mu'jam al-Arabi al-Asāsī* (2003). Tunis: al-Munazzamah al-'Arabiyyah li-al-Tabiyah Wa-al-Tiqāfah Wa-al-'Ulūm, h. 505.

pendapat ini dengan berkata: ini adalah pendapat yang terpilih<sup>8</sup>. Al-Iraqi menegaskan: kebanyakkan ulama berpegang dengan pendapat ini<sup>9</sup>. Dalil yang digunakan:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ، قَالَ: إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّ حَيْزَ النَّابِعِينَ رَجُلٌ يُفَالُ لَهُ أَوْيُسْ، وَلَهُ وَالدَّةٌ وَكَانَ بِهِ بَيْاضٌ فَمُرُوْنٌ فَلَيُسْتَغْفِرُ لَكُمْ.

Daripada Umar bin al-Khattab, beliau berkata: sesungguhnya aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: sesungguhnya sebaik-baik Tabiin seorang lelaki yang dipanggil Uwais. Dia mempunyai seorang ibu dan dia mempunyai tompok putih (kerana penyakit kusta). Maka mintalah daripadanya supaya dia memohon keampunan untuk kamu<sup>10</sup>.

Berdasarkan kepada hadis, Nabi SAW menyifatkan Uwais sebagai Tabiin secara umum tanpa syarat periyawatan dan seumpamanya. Beliau pernah bertemu dengan Sahabat iaitu Umar bin al-Khattab RA. Ibnu ‘Adi, al-Zahabi dan Ibnu Hajar menegaskan Uwais tidak pernah meriwayatkan daripada mana-mana Sahabat<sup>11</sup>.

Pendapat kedua menyatakan Tabi‘in adalah orang yang meriwayatkan daripada Sahabat samada sedikit atau pun banyak dan mati di dalam Islam. Pendapat ini dipegang oleh al-Hakim al-Naisaburi dan Ibnu Hibban<sup>12</sup>. Dalilnya:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: حَيْزُ النَّاسِ قَرْنِي، ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَحُونَ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَحُونَ، ثُمَّ يَجِيَءُ أَفْوَامُ تَسْبِيقُ شَهَادَةً أَخْلِدِهِمْ يَمِينَهُ، وَيَعِينُهُ شَهَادَتَهُ.

Daripada Abdullah RA, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: Sebaik-baik manusia adalah kurunKu, kemudian orang-orang yang selepas mereka, kemudian orang-orang yang selepas mereka. Selepas itu datang suatu golongan yang kesaksian seseorang mereka mendahului sumpahnya dan sumpahnya mendahului kesaksiannya<sup>13</sup>.

Hadis menunjukkan tiga kurun yang terbaik mengikut turutan iaitu kurun Nabi SAW yang mana para Sahabat hidup bersama Baginda SAW, kurun Tabiin dan kurun Tabi’ Tabi‘in<sup>14</sup>. Tiga zaman ini dianggap terbaik kerana selepas itu sifat berbohong di kalangan manusia telah tersebar. Ketika itu, orang ramai akan memberi penyaksian dusta kemudian bersumpah atau bersumpah kemudian memberi penyaksian dusta<sup>15</sup>. Pembohongan ini dapat dilihat dengan jelas di dalam periyawatan dan penukilan. Ini menjadikan periyawatan -dalam hal ini periyawatan Tabiin daripada Sahabat- sebagai penanda aras untuk menentukan seseorang itu Tabiin atau pun tidak<sup>16</sup>.

<sup>8</sup> Ahmad bin Ali bin Hajar al-‘Asqalani (2000). Nuzhat al-Nazar Fi Taudhib Nukhbat al-Fikr Fi Musthalah Ahl al-Athar. Damsyik: Mathba‘ah al-Sobah, h. 573. Uthman bin Abdul rahman Ibnu al-Solah (2002). Ma‘arifat Anwa’ ‘Ilm al-hadith. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 405.

<sup>9</sup> Muhammad bin Abdul Rahman bin Muhammad al-Sakhawi (2003). Fath al-Mughith Bisyarh Alfiyat al-Hadith li-al-‘Iraqi. Kaherah: Maktabah ak-Sunnah, j. 4, h. 147.

<sup>10</sup> Muslim bin Al-Ḥajjāj (1998). Sahih Muslim. Kitāb Fadhail al-Sahabat, Bāb Min Fadhail Uwais al-Qarni RA, No: 224. Riyadh: Bait al-Afkār al-Duwaliyyah, h. 1026.

<sup>11</sup> Ahmad al-Sayyid al-Jadawi (2018). Al-Tabi‘un Wahujjiyyat Aqwalihim: Dirasat Hadithiyyah. Majallat Kulliyat al-Dirasat al-Islamiyyah wa-al-‘Arabiyyah li-al-Banat Bikuf al-Sheikh. Bil. 2, Isu 3, h. 216.

<sup>12</sup> Ali bin Sulthan Muhammad al-Qari (t. t.). Syarh Syarh Nukhbat al-Fikr. Beirut: Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam, h. 596.

<sup>13</sup> Muhammad bin Ismail Al-Bukhari (2005). *Op. Cit.*, Kitāb al-Syahadat, Bāb La Yashhadu ‘Ala Syahadat al-Jaur Iza Ashhada, No: 2652. Riyadh: Bait al-Afkār al-Duwaliyyah, h. 502.

<sup>14</sup> Ahmad bin Ali bin Hajar al-‘Asqalani (1959). Fath al-Bari Bisyarh Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar al-Ma‘arifat, j. 7, h. 6.

<sup>15</sup> Ali bin Sulthan Muhammad al-Qari (2002). Mirqat al-Mafatih Syarh Mushkat al-Masabih. Beirut: Dar al-Fikr, j. 6, h. 244.

<sup>16</sup> Ahmad al-Sayyid al-Jadawi (2018). *Op. Cit.*, h. 215.

## AUTORITI TABIIN DALAM PENTAFSIRAN NAS

Pendapat Tabiin samada kata-kata atau perbuatan boleh dibahagikan kepada jenis-jenis berikut:

1. Perkara yang tidak boleh berijtihad atau tidak boleh dimasuki pandangan akal. Contoh:

حَدَّثَنَا عَامِرٌ بْنُ شِبْلٍ، قَالَ: سَمِعْتُ أَبَا قِلَابَةَ يَقُولُ: فِي الْجَنَّةِ قَصْرٌ لِصُوَامِ رَجَبٍ.

‘Amir bin Shibl memberitahu kami, beliau berkata: aku mendengar Abu Qilabah berkata: di dalam syurga ada istana bagi orang yang banyak berpuasa pada bulan Rejab<sup>17</sup>.

Abu Qilabah atau namanya Abdullah bin Zaid bin Amru adalah seorang Tabiin. Beliau pernah mendengar hadis daripada Sahabat seperti Anas bin Malik RA, Malik bin al-Huwairith RA, Samurah bin Jundab RA dan Abdullah bin Abbas RA<sup>18</sup>. Kata-katanya atau riwayat di atas mengenai ganjaran bagi orang yang banyak berpuasa pada bulan Rejab. Pahala khusus tidak boleh ditetapkan melainkan dengan nas samada al-Quran atau hadis. Oleh itu ia termasuk perkara yang tidak boleh diijtihadkan atau tidak boleh dimasuki pandangan akal.

Ada tiga pendapat mengenai kedudukan kata-kata Tabiin seperti ini:

a) Ibnu al-Arabi menyatakan Imam Malik meletakkannya sebagai hadis *Marfu'* (hadis yang disandarkan kepada Nabi SAW)<sup>19</sup>. Ia juga pendapat Imam Ahmad dan al-Baihaqi. Imam Ahmad berkata: sekalipun riwayat ini adalah *Mauquf* daripada Abu Qilabah, dia adalah Tabiin. Orang yang sepertinya tidak akan mengucapkan kata-kata ini melainkan sampai berita daripada yang di atasnya, daripada orang yang wahyu datang kepadaNya (yakni Rasulullah SAW)<sup>20</sup>. Maka, kata-kata seperti ini boleh dijadikan sebagai hujah.

b) Ibnu Hajar al-‘Asqalani meletakkannya sebagai hadis *Mursal* (Hadis yang sanadnya terputus di antara Tabiin dan Nabi SAW). Selepas menyebut riwayat daripada Tabiin bernama ‘Atha’ bin Abi Rabah di dalam *Nataij al-Afkar*, beliau berkata: “ia adalah *Maqthu'* (kata-kata Tabiin) yang baik sanadnya. Ia mempunyai *hukm* (berada pada tahap) *Marfu'* kerana yang sepertinya tidak akan disebut berdasarkan kepada pandangan akal”<sup>21</sup>. Kata-kata ini tidak boleh dijadikan sebagai hujah seperti mana hadis yang bersambung sanadnya.

c) Al-Zarkasyi pula menyatakan secara zahirnya menurut pendapat Imam Ahmad dan ulama-ulamak Mazhab Hanbali ia dikira sebagai ijtihad Tabiin tersebut<sup>22</sup>. Oleh itu, ia tidak dikira sebagai hujah.

2. Perkara yang boleh berijtihad atau boleh dimasuki pandangan akal. Perkara ini terbahagi kepada dua:

a) Masalah-masalah yang mana para Tabiin berijmak dan ia didahului dengan khilaf di kalangan Sahabat atau para Sahabat tidak berijmak dalam masalah tersebut. Contoh:

Hukum menjual *Umm al-Walad* (hamba perempuan yang melahirkan anak tuannya). Ibnu al-Syilbi menyebut di dalam *Hasyiyah* bahawa para Tabiin berijmak tidak harus menjualnya. Masalah ini menjadi khilaf di antara Umar RA yang mengharuskan dan Ali RA yang menegah jualan<sup>23</sup>. Imam al-

<sup>17</sup> Ahmad bin al-Husain al-Baihaqi (2003). *Al-Jami Li Syu‘ab al-Iman*. Riyadh: Maktabah al-Rushd, j. 5, h. 3521.

<sup>18</sup> Muhammad bin Ahmad al-Zahabi (1985). *Siyar A‘alam al-Nubala*. Beirut: Muassasah al-Risalah, j. 4, h. 468.

<sup>19</sup> Muhammad bin Abdullah Ibnu al-Arabi (1992). *Al-Qabas Fi Syarh Muwattha’ Malik Bin Anas*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, h. 207.

<sup>20</sup> Ahmad bin al-Husain al-Baihaqi (2003). *Op. Cit.*, j. 5, h. 3521.

<sup>21</sup> Ahmad bin Ali bin Hajar al-‘Asqalani (2008). *Nataij al-Afkar Fi Takhrij Ahadith al-Azkar*. Beirut: Dar Ibnu Kathir, j. 1, h. 383.

<sup>22</sup> Muhammad bin Abdullah al-Zarkasyi (1994). *Al-Bahr al-Muhith*. Amman: Dar al-Kutubi, j. 8, h. 82.

<sup>23</sup> Ahmad bin Yunus bin Muhammad Ibn al-Syilbi (1896). *Hasyiyah al-Syilbi*. Kaherah: al-Mathba‘ah al-Amiriyyah al-Kubra Bulaq, j. 4, h. 61.

Juwaini menyatakan ijmak Tabiin adalah hujah. Dawud al-Zahiri menyatakan ijmak Tabiin bukan hujah kerana ijmak yang diambil kira hanyalah ijmak Sahabat<sup>24</sup>.

b) Masalah-masalah yang mana para Tabiin tidak berijmak padanya. Contoh:

Hukum orang Islam yang keluar daripada agama atau murtad. Ubaid bin Umair dan Towus bin Kaisan berpendapat pesalah tersebut mesti dibunuh tanpa diminta bertaubat. Hukuman ini berbeza dengan pendapat kebanyakkan ulama yang mensyaratkan mesti diberi peluang bertaubat terlebih dahulu<sup>25</sup>.

Ubaid bin Umair adalah Tabiin yang lahir ketika hayat Nabi SAW. Beliau meriwayatkan hadis daripada Sahabat seperti ayahnya sendiri iaitu Umair bin Qatadah RA, Umar bin al-Khattab RA, Ali RA, Abu Zar RA Aisyah RA Abu Musa al-Asy'ari RA Ibnu Abbas RA dan lain-lain. Seorang ilmuan besar di Mekah dan Ibnu Umar RA pernah menghadiri majlis tazkirahnya kepada orang ramai<sup>26</sup>. Towus bin Kaisan juga seorang Tabiin terkenal. Belajar daripada Zaid bin Thabit RA, Aisyah RA, Abu Hurairah RA, Zaid bin Arqam RA. Beliau melazimi pengajian Ibnu Abbas RA dan dikira sebagai murid utama kepada gurunya itu<sup>27</sup>.

Ibnu Muflih berkata: mazhab atau pendapat Tabiin bukan hujah menurut Imam Ahmad dan para ulama<sup>28</sup>.

3. Riwayat Tabiin yang mana mereka berkata semasa menyebutnya: “Sahabat tersebut mengangkat hadis” (يَرْفَعُ الْحَدِيثَ), “Sahabat tersebut menyampaikan hadis” (يَتَلَاقِعُ بِهِ), “Sahabat tersebut menyandarkan hadis” (يَنْمِيهِ). Ungkapan-ungkapan ini adalah perumpamaan yang menunjukkan Sahabat telah menyandarkan hadis kepada Rasulullah SAW. Contoh:

عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، يَرْفَعُ الْحَدِيثَ قَالَ: لَا تُقْوِمُ السَّاعَةُ حَتَّى يَرْفَعَ الْعِلْمُ، وَيَظْهَرَ الْجُهْلُ، وَيَقْلِلَ الرِّجَالُ، وَيَكْثُرَ النِّسَاءُ، حَتَّى يَكُونَ قِيمَهُ خَمْسِينَ اثْرَاهَةً رَجُلٌ وَاحِدٌ.

Daripada Qatadah, daripada Anas bin Malik, beliau mengangkat hadis ini, beliau berkata: tidak berlaku kiamat sehingga diangkat ilmu, tersebar kejahanan, lelaki menjadi sedikit dan perempuan menjadi banyak sehingga lima puluh perempuan menyamai seorang lelaki<sup>29</sup>.

Qatadah yang meriwayatkan hadis ini adalah Qatadah bin Du'amah seorang Tabiin. Selain daripada Anas RA, beliau turut mendengar hadis daripada Abdullah bin Sarjas RA<sup>30</sup>. Qatadah berkata semasa meriwayatkan hadis ini: “Beliau mengangkat hadis ini” yang bermaksud Anas RA telah mengambil hadis ini daripada Nabi SAW. Al-Khatib al-Baghdadi dan Imam al-Nawawi menyatakan para ulama bersepakat riwayat seperti ini diterima sebagai hujah.

4. Tabiin berkata: “Begini adalah daripada sunnah (مِنَ السُّنَّةِ كَذَا)” atau Engkau telah menepati sunnah (أَصْبَحْتَ السُّنَّةَ). Contoh:

عَنِ الشَّعْبِيِّ، قَالَ: إِنَّ مِنَ السُّنَّةِ أَنْ يَطْعَمَ يَوْمَ الْفِطْرِ قَبْلَ أَنْ يَعْدُوا، وَيَؤْخِرَ الطَّعَامَ يَوْمَ النَّحرِ حَتَّى يَرْجِعَ.

<sup>24</sup> Abdul Malik bin Abdullah al-Juwaini (t. t.) al-Talkhis Fi Usul al-Fiqh. Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah, j. 3, h. 53.

<sup>25</sup> Hamd bin Muhammad al-Khattabi (1932). Ma'alim al-Sunan. Halab: al-Mathba'ah al-'Ilmiyyah, Jld. 3, Ms. 295.

<sup>26</sup> Muhammad bin Ahmad al-Zahabi (1985). *Op. Cit.*, j. 4, h. 156.

<sup>27</sup> Muhammad bin Ahmad al-Zahabi (1985). *Op. Cit.*, j. 5, h. 138.

<sup>28</sup> Muhammad bin Muflih al-Maqdasi (1999). Usul al-Fiqh. Riyadh: Maktabah al-'Abaikan, j. 4, h. 1458.

<sup>29</sup> Ahmad bin Hanbal (2001). Al-Musnad. Musnad al-Mukatthirin Min al-Sahabah, Musnad Anas bin Malik, No: 13883. Beirut: Muassasah al-Risalah, j. 21, h. 357.

<sup>30</sup> Muhammad bin Ahmad al-Zahabi (1985). *Op. Cit.*, j. 5, h. 269.

Dari al-Sya'abi, beliau berkata: sesungguhnya daripada sunnah seseorang itu makan pada hari raya aildifitri sebelum keluar solat, dan dia melewatkkan makan makanan pada hari raya aildiadha sehinggalah dia pulang solat<sup>31</sup>.

Nama al-Sya'abi adalah ‘Amir bin Syarahil. Beliau sempat menemui, belajar dan meriwayatkan hadis daripada ramai Sahabat. Antaranya Saad bin Abi Waqqas, Said bin Zaid, Abu Musa al-Asy‘ari, ‘Adi bin Hatim dan ramai lagi<sup>32</sup>.

Tiga pendapat sama ada menerima atau menolak riwayat seperti ini:

a) Ia adalah hadis *Mursal*. Ini adalah pendapat al-Iraqi di dalam *Alfiyyah*<sup>33</sup>. Maka ia tidak dikira sebagai hujah seperti mana hadis yang sanadnya bersambung.

b) Ia adalah hadis *Mauquf* (Kata-kata atau perbuatan Sahabat). Imam al-Nawawi berkata di dalam *al-Majmu'*: ini adalah pendapat yang sahih dan masyhur<sup>34</sup>. Maka ia tidak dikira sebagai hujah seperti mana hadis.

5. Tabiin berkata: “Kami disuruh buat begini” (أَمْرَنَا بِكَذَّا) atau “Kami dilarang buat begini” (نُهِيْنَا عَنْ كَذَّا). Imam al-Nawawi menyebutkan dua pendapat:

a) Ia adalah hadis *Mursal*.

b) Ia adalah hadis *Mauquf*. Ini adalah pendapat Ibnu al-Sobbagh<sup>35</sup>.

Kedua-dua pendapat ini tidak boleh dijadikan hujah seperti mana hadis.

6. Tabiin berkata: “Mereka dahulu berbuat begini” (كَانُوا يَعْمَلُونَ كَذَّا). Imam al-Ghazali menyatakan bahawa ungkapan ini tidak menunjukkan perbuatan tersebut dibuat oleh seluruh umat tetapi dibuat oleh sebahagian sahaja. Oleh itu ia tidak menjadi hujah. Jika Tabiin tersebut memaksudkan ungkapan “Mereka dahulu berbuat begini” sebagai ijmak ulama, maka ia adalah nukilan ijmak. Kesabitan ijmak dengan nukilan seorang individu (*Ahad*) menjadi khilaf di kalangan ulama. Ada yang menerima dan ada yang menolak<sup>36</sup>.

## METODE HURAIAN HADIS TABIIN DI DALAM KITAB SYARAH

Para pembaca dapat melihat dengan jelas pendapat-pendapat Tabiin di dalam kitab-kitab syarah. Sumber-sumber ini akan menyifatkan mereka sebagai sekumpulan Tabiin atau menamakan individu yang berkenaan. Ungkapan yang sering diletakkan seperti “Diriwayatkan daripada sekumpulan Tabiin”, “Daripada sekumpulan Tabiin”, “Sekumpulan Tabiin membenarkan”, “Sekumpulan Tabiin memakruhkan”, “Dengan pendapat itu sekumpulan Tabiin menyatakan” dan sebagainya. Adakalanya nama negeri disebut seperti “Sekumpulan Tabiin di Iraq” dan “Sekumpulan Tabiin Kufah”. Nama-nama Tabiin juga disebut secara perseorangan seperti “Qatādah berkata” dan “Ia adalah pendapat ‘Atā’ bin Abī Rabāḥ” atau bergandingan seperti “Dengannya al-Ḥasan al-Baṣrī dan Maķūl berpendapat”. Pendapat-pendapat yang disertakan samada diriwayatkan dengan sanad atau sanad yang tidak lengkap.

Selepas membuat pembacaan dan analisa, pengkaji mendapati Tabiin menggunakan lima (5) metode untuk menghuraikan hadis:

<sup>31</sup> Abdullah bin Muhammad Ibn Abi Syaibah (1989). Al-Mushannaf Fi al-Ahadith wa-al-Athar. Kitab Solat al-‘Idain, Bab Fi al-Tho‘am Yaum al-Fithr Qabla An Yakhrij Ila al-Musolla. Beirut: Dar al-Taj, j. 1, h. 485.

<sup>32</sup> Muhammad bin Ahmad al-Zahabi (1985). *Op. Cit.*, j. 4, h. 295.

<sup>33</sup> Abdul Rahim bin al-Husain bin Abdul Rahman al-‘Iraqi (2002). Syarh al-Tabshirah wa-al-Tazkirah. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 1, h. 195.

<sup>34</sup> Muhyi al-Din bin Syaraf al-Nawawi (1925). Al-Majmu’ Syarh al-Muhazzab. Kaherah: Mathba‘ah al-Tadhamun al-Akhawi, j. 1, h. 60.

<sup>35</sup> Muhyi al-Din bin Syaraf al-Nawawi (1925). *Op. Cit.*, j. 1, h. 60.

<sup>36</sup> Muhyi al-Din bin Syaraf al-Nawawi (1925). *Op. Cit.*, j. 1, h. 60.

## 1. Menepati Makna *Zāhir*

Secara bahasa, *al-Zāhir* (الظاهر) ditakrif sebagai sesuatu yang jelas, terbuka dan terang. Dari sudut istilah, ulama Usul fekah mentakrifkannya sebagai makna yang lebih jelas berbanding beberapa kemungkinan makna yang lain<sup>37</sup>. Sebagai contoh:

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَفْرُغْ بِقَاتِحَةِ الْكِتَابِ.

Terjemahan: daripada ‘Ubādah bin al-Ṣāmit, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: tidak ada solat bagi orang yang tidak membaca pembuka Al-Quran (al-Fatiḥah)<sup>38</sup>.

Frasa “Tidak ada solat” di dalam hadis mengandungi dua kebarangkalian makna. Pertama, *zāhir* iaitu menafikan kesahan solat. Kedua, ditakwilkan (*muawwal*) iaitu menafikan kesempurnaan<sup>39</sup>. Makna jenis ini tidak memerlukan elemen luaran untuk memahaminya. Jika berbentuk suruhan maka ia adalah wajib. Jika berbentuk larangan maka ia adalah haram. Hal demikian kerana asal bagi sesuatu suruhan (الأمر) (النهي) adalah wajib manakala larangan (النهي) adalah haram<sup>40</sup>. Perkataan yang digunakan akan difahami dengan maksud umum. Contohnya, jika perkataan terdapat perkataan kafir di dalam hadis, maka ia bermaksud semua orang kafir tanpa sebarang pengecualian<sup>41</sup>.

### Contoh:

قَالَ: سَأَلْتُ عَلِيًّا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، هَلْ عِنْدَكُمْ شَيْءٌ مَا لَيْسَ فِي الْقُرْآنِ؟، وَقَالَ مَرْأَةٌ: مَا لَيْسَ عِنْدَ النَّاسِ؟، فَقَالَ: وَالَّذِي فَلَقَ الْحَبَّةَ وَبَرَّا النَّسْمَةَ، مَا عِنْدَنَا إِلَّا مَا فِي الْقُرْآنِ، إِلَّا فَهُمَا يُعْطَى رَجُلٌ فِي كِتَابِهِ، وَمَا فِي الصَّحِيفَةِ، قُلْتُ: وَمَا فِي الصَّحِيفَةِ؟، قَالَ: الْعَقْلُ، وَفَكَاكُ الْأَسْرِ، وَأَنْ لَا يُفْتَلَ مُسْلِمٌ بِكَافِرٍ.

Terjemahan: dia (Abu Juhaifah) berkata: aku bertanya kepada Ali RA, adakah kamu mempunyai sesuatu selain apa yang ada di dalam Al-Quran?. Dan dia (Abu Juhaifah) pernah sekali berkata: apa yang tidak ada pada orang ramai?. Dia (Ali ) berkata: demi Dia yang membelah biji-bijian dan mencipta manusia, tidak ada pada kami melainkan Al-Quran, akan tetapi kefahaman yang diberikan kepada seseorang mengenai KitabNya dan apa yang berada dalam helaian ini. Aku berkata: apa di dalam helaian ini?. Diat, melepaskan tawanan dan tidak dibunuh muslim kerana kafir<sup>42</sup>.

Kitab Šarh Ibnu Baṭṭāl menyebut: “jumhur ulama berpendapat dengan *zahir* hadis”. Ini bermakna seseorang muslim yang melakukan jenayah membunuh seorang kafir tidak akan dikenakan hukuman bunuh balas. Selepas menyebut beberapa orang Sahabat dan imam-imam fikah yang berpegang dengan pendapat ini, kitab tersebut menyatakan: “dengan pendapat itu sekumpulan Tabiin menyatakan dengannya” (وَبِهِ قَالَ جَمَاعَةُ الْمُتَابِعِينَ). Walaubagaimanapun, tidak disebut secara khusus nama-nama Tabiin yang terbabit. Begitu juga dengan negeri atau tempat mereka berasal<sup>43</sup>.

Walaubagaimanapun terdapat tafsiran yang menyalahi makna secara *zahir*. Abu Hanifah dan Ibnu Abi Laila menyatakan muslim boleh dihukum bunuh jika membunuh kafir *Zimmī*. Imam Malik pula menyatakan jika pembunuhan disebabkan harta maka muslim boleh dihukum bunuh<sup>44</sup>.

<sup>37</sup> Muhammad bin Muhammad al-Ru'īnī al-Ḥaṭṭāb (2001). *Qurrat al-'Ayn Li- Šarh Waraqāt Imām al-Haramayn*. Beirut: Dar al-Masyari', h. 85.

<sup>38</sup> Muhammad bin Ismail Al-Bukhari (2005). *Op. Cit.*, Kitāb Ādān, Bāb Wujūb al-Qirā'a't li-al-Imām wa-al-Ma'mūm, No: 756, h. 157.

<sup>39</sup> Muhammad bin Muhammad Ar-Ru'īnī al-Ḥaṭṭāb (2001). *Op. Cit.*, h. 85.

<sup>40</sup> Syaaban Muhammad Ismail (2008). *Uṣūl Fiqh al-Muyassar*. Beirut: Dar Ibnu Hazm, h. 21 & 39.

<sup>41</sup> Metode ini dapat dilihat pada banyak tempat sepertimana yang dinyatakan di dalam contoh-contoh.

<sup>42</sup> Muhammad bin Ismail Al-Bukhari (2005). *Op. Cit.*, Kitāb al-Diyāt, Bāb al-'Āqilah, No: 6903, h. 1316.

<sup>43</sup> Ali bin Khalaf bin Abdul Malik Ibnu Baṭṭāl (2008). *Šarh Ibnu Baṭṭāl Li-Saḥīḥ al- al-Buḥārī*. Riyad: Maktabah al-Rusyd, j. 3, h. 565.

<sup>44</sup> Ali bin Khalaf bin Abdul Malik Ibnu Baṭṭāl (2008). *Op. Cit.*, j. 3, h. 565.

**Contoh:**

عن عائشة، قالت: سُئلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الرَّجُلِ يَجْدُ الْبَلَانِ وَلَا يَذَكُرُ احْتِلَامًا، قَالَ: يَعْتَسِلُ، وَعَنِ الرَّجُلِ يَرِي أَنْ قَدْ احْتَلَمَ وَلَا يَجْدُ الْبَلَانِ، قَالَ: لَا عُسْلٌ عَلَيْهِ، فَقَالَتْ أُمُّ سَلَيْمٍ: إِنَّهُ تَرَى ذَلِكَ أَعْلَيْهَا عُسْلٌ؟، قَالَ: نَعَمْ، إِنَّمَا النِّسَاءُ شَفَاقَةُ الْرِّجَالِ.

Terjemahan: daripada Aisyah, beliau berkata: ditanya kepada Nabi SAW tentang lelaki yang mendapati basah dan dia tidak mengingati mimpi baligh. Baginda bersabda: dia mandi. Dan tentang seorang lelaki yang bermimpi baligh dan tidak mendapati basah, Baginda bersabda: tidak perlu mandi. Ummu Sulaim berkata: seorang perempuan, dia bermimpi seperti itu, adakah dia perlu mandi?. Baginda bersabda: ya, sesungguhnya perempuan umpama lelaki<sup>45</sup>.

Kitab Ma‘ālim al-Sunan menyebut: “Zahir hadis ini mewajibkan mandi apabila seseorang mendapati basah sekalipun dia tidak meyakini ia adalah air yang terpancar (mani)”. Al-Khattabi pengarang kitab telah menamakan beberapa orang Tabiin yang diriwayatkan bahawa mereka mengambil pendapat tersebut dengan berkata: “Pandangan ini diriwayatkan daripada sekumpulan Tabiin, mereka adalah ‘Atā’, al-Ša‘abī dan al-Nahā’ī”<sup>46</sup>.

Al-Khatthabi pengarang kitab turut membawakan pendapat yang berbeza. Katanya: ‘Kebanyakkan ilmuwan tidak mewajibkan mandi sehingga dia mengetahui ia adalah kelembapan daripada air mani. Para ulama menyatakan sunat untuk mandi sebagai berjaga-jaga (*Ihthiyath*)’<sup>47</sup>.

**Contoh:**

عَنْ يَزِيدَ بْنِ الْبَرَاءِ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: لَقِيَتْ عَمِّيْ وَمَعْهُ رَأْيَةً، فَقُلْتُ لَهُ: أَيْنَ تُرِيدُ؟، قَالَ: بِعَنْتِي رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِلَى رَجُلٍ نَّكَحَ امْرَأَةً أُبِيهِ، فَأَمْرَنِي أَنْ أَضْرِبَ عُنْقَهُ، وَآخُدَ مَالَهُ.

Daripada Yazid bin al-Barra’, daripada ayahnya, beliau berkata: aku bertemu bapa saudaraku sebelah bapa dan bersamanya panji. Aku berkata kepadanya: ke mana engkau mahu pergi?. Dia berkata: Rasulullah SAW mengutus aku kepada seorang lelaki yang menikahi isteri ayahnya. Baginda menyuruh aku memenggal tenguknya dan mengambil hartanya<sup>48</sup>.

Rasulullah SAW mengarahkan seorang lelaki untuk membunuh orang yang menikahi isteri bapa sendiri. Lelaki tersebut diberikan panji sebagai tanda dia dihantar untuk melaksanakan urusan yang penting. Kitab Maalim al-Sunnan menyatakan para ulama berikhtilaf mengenai hukuman orang yang menikahi muhrim. Sebahagiannya menetapkan hukuman bunuh berdasarkan *zahir* hadis ini. Mereka termasuk al-Hasan al-Basri, Malik bin Anas, Ishaq bin Rahawaih dan Imam al-Syafie<sup>49</sup>. Al-Hasan al-Basri atau nama sebenarnya al-Hasan bin Yasar adalah seorang Tabiin yang hidup pada tahun 21H-110H<sup>50</sup>.

## 2. Mentakwilkan Suruhan Kepada Sunat Dan Larangan Kepada Makruh

Majoriti ulama Usul Fekah menyatakan asal kepada perintah dan suruhan yang terkandung di dalam nas menatijahkan hukum taklifi yang berupa wajib melainkan terdapat petunjuk (*Qarinah*) yang menjadikannya sunat. Manakala asal kepada larangan dan tegahan menatijahkan hukum haram kecuali wujud petunjuk yang mengubahnya kepada makruh. Salah satu metode yang sering diambil oleh Tabiin

<sup>45</sup> Abu Daud Sulaiman bin al-A’sat (2009). Sunan Abu Daud. Kitāb al-Šolāt, Bāb Fī al-Rajul Yajidu al-Billah Fī Manāmihī, No: 236. Beirut: Maktabah al-‘Asriyyah, j. 3, h. 61.

<sup>46</sup> Hamd bin Muhammad bin Ibrahim al-Ḥaṭṭābī (2012). Ma‘ālim al-Sunan. Beirut: Muassasah al-Risalah, j. 1, h. 79.

<sup>47</sup> Hamd bin Muhammad bin Ibrahim al-Ḥaṭṭābī (2012). *Op. Cit.*, j. 1, h. 79.

<sup>48</sup> Abu Daud Sulaiman bin al-A’sat (2009). *Op. Cit.*, Kitāb Al-Hudūd, Bāb Fī al-Rajul Yaznī Bihārīmihī, No: 4457, j. 4, h. 157.

<sup>49</sup> Hamd bin Muhammad bin Ibrahim al-Ḥaṭṭābī (2012). *Op. Cit.*, j. 3, h. 330.

<sup>50</sup> Muhammad bin Ahmad al-Zahabi (1985). *Op. Cit.*, j. 4, h. 563.

semasa menghuraikan hadis ialah mentafsirkan sesuatu perintah sebagai sunat dan larangan sebagai makruh<sup>51</sup>.

**Contoh:**

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ، قَالَ: إِذَا أُقِيمَتِ الصَّلَاةُ فَلَا صَلَاةً إِلَّا الْمَكْثُوَةُ.

Terjemahan: daripada Abu Hurairah, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: jika sudah diiqamatkan maka tidak boleh solat melainkan solat fardu<sup>52</sup>.

Hadir menunjukkan larangan mendirikan solat sunat apabila bilal sudah melaungkan iqamat. Perkara dapat difahami dengan jelas daripada gaya bahasa yang menggunakan perkataan ‘Jangan’ yang berbentuk larangan (*Lā al-Nāhiyah*). Al-Khattabi antara yang menerangkan hal ini dengan jelas. Katanya, “Dalam hadis ini keterangan bahawa dilarang menunaikan dua rakaat sunat sebelum subuh dan selainnya (apabila sudah diiqamatkan) kecuali solat fardu”. Namun demikian, sebilangan Tabiin sekadar meletakkan hukum makruh dan bukannya haram. Mereka ialah Said bin Jubair, Ibnu Sirin, Urwah bin Zubair, Ibrahim al-Nakhi ‘Ata<sup>53</sup>.

**Contoh:**

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ: أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَىٰ عَنْ ثَمَنِ الْكَلْبِ وَالسِّتُورِ.

Terjemahan: daripada Jabir bin Abdullah: sesungguhnya Nabi SAW melarang harga anjing dan kucing liar<sup>54</sup>.

Nabi SAW melarang mengambil harga daripada anjing dan kucing hutan. Dalam erti kata lain, jual beli berkait dengan kedua-dua haiwan tersebut adalah ditegah. Meskipun begitu, sebahagian Tabiin mentakwilkan larangan ini kepada hukum makruh. Antara mereka yang berpandangan sedemikian ialah Tawus dan Mujahid<sup>55</sup>.

**Contoh:**

عَنْ سَمْرَةَ بْنِ جُنْدَبَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: كُلُّ غَلَامٍ رَهِينٌ بِعَقِيقَتِهِ: تُذَبَحُ عَنْهُ يَوْمَ سَابِعِهِ، وَيُحَلَّقُ، وَيُسَمَّىٰ.

Terjemahan: daripada Samurah bin Jundab, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: setiap anak tergantung pada akikahnya, disembelih pada hari ke tujuhnya, dicukur dan dinamakan<sup>56</sup>.

Salah satu perkara yang patut dibuat pada hari ke tujuh selepas kelahiran ialah memberikan nama kepada bayi. Suruhan ini ditakwilkan sebagai sunat dan bukannya wajib. Kitab Ma‘alim al-Sunan menyebut: “Bukan seorang dari kalangan ulama yang menyatakan sunat untuk tidak menamakan bayi sebelum hari ke tujuh”<sup>57</sup>. Kitab Tharh al-Tathrib Syarh al-Taqrīb pula memberitahu antara ulama yang mengambil pendapat ini ialah dua orang Tabiin iaitu Muhammad bin Sirin dan Qatadah. Mereka berkata: “Jika sudah dilahirkan dan sempurna kejadiannya, dinamakan bila-bila masa yang mereka mahukan<sup>58</sup>.

<sup>51</sup> Syaaban Muhammad Ismail (2008). *Op. Cit.*, j. 2, h. 21 & 39.

<sup>52</sup> Muslim bin Al-Hajjāj (1998). *Op. Cit.*, Kitāb al-Šolāt, Bāb Karāhiyyat al-Šūrū’ Fī Nāfilah Ba‘ada Šūrū’ al-Mua’ddin, No: 63, h. 63.

<sup>53</sup> Hamd bin Muhammad bin Ibrahim al-Ḥattābī (2012). *Op. Cit.*, j. 1, h. 79.

<sup>54</sup> Abu Daud (2009). *Op. Cit.*, Kitāb al-Buyū’, Bāb Fī Taman al-Sinnūr, No: 3479, j. 3, h. 278.

<sup>55</sup> Hamd bin Muhammad bin Ibrahim al-Ḥattābī (2012). *Op. Cit.*, j. 3, h. 130.

<sup>56</sup> Abu Daud (2009). *Op. Cit.*, Kitāb al-Dāḥyā, Bāb Fī al-‘Aqīqah, No: 2838, j. 3, h. 106.

<sup>57</sup> Hamd bin Muhammad bin Ibrahim al-Ḥattābī (2012). *Op. Cit.*, j. 4, h. 286.

<sup>58</sup> Abdul Rahim bin al-Husain bin Abdul Rahman al-‘Irāqī (2000). Tarh al-Tatrīb Šarḥ al-Taqrīb. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 5, h. 211.

### 3. Mengecualikan Makna Hadis Dalam Keadaan Tertentu

Apabila hadis menerangkan hukum bagi sesuatu keadaan, Tabiin akan meletakkan pengecualian tertentu.

#### Contoh:

عن سليمان بن بُريدة عن أبيه، قال: كانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِذَا بَعَثَ أَمِيرًا عَلَى سَرِيَّةٍ أَوْ جِيشٍ أَوْ صَاهٌ بِتَقْوَى اللَّهِ فِي خَاصَّةِ نَفْسِهِ وَبِنَعْمَهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ خَيْرًا، وَقَالَ: إِذَا لَقِيتَ عَدُوًّا كَمِنَ الْمُشْرِكِينَ فَادْعُهُمْ إِلَى إِحْدَى ثَلَاثَ حِصَالٍ، -أَوْ حِلَالٍ- فَإِنْتَهَا أَجَابُوكَ إِلَيْهَا، فَاقْبِلْ مِنْهُمْ وَكُفَّ عَنْهُمْ: ادْعُهُمْ إِلَى الإِسْلَامِ، فَإِنْ أَجَابُوكَ فَاقْبِلْ مِنْهُمْ وَكُفَّ عَنْهُمْ، ثُمَّ ادْعُهُمْ إِلَى التَّحُولِ مِنْ دَارِ الْمَهَاجِرَةِ، وَأَعْلَمُهُمْ أَنْهُمْ إِنْ فَعَلُوا ذَلِكَ أَنْ لَمْ مَا عَلَى الْمَهَاجِرَةِ وَأَنْ عَلَيْهِمْ مَا عَلَى الْمَهَاجِرَةِ، فَإِنْ أَبْوَا وَاخْتَارُوا دَارَهُمْ فَأَعْلَمُهُمْ أَنْهُمْ يَكُونُونَ كَأَعْرَابٍ الْمُسْلِمِينَ: يَجْرِي عَلَيْهِمْ حُكْمُ اللَّهِ الَّذِي يَجْرِي عَلَى الْمُؤْمِنِينَ، وَلَا يَكُونُ لَهُمْ فِي الْفَيْءِ وَالْغَنِيمَةِ نَصِيبٌ، إِلَّا أَنْ يُجَاهِدُوا مَعَ الْمُسْلِمِينَ، فَإِنْ هُمْ أَبْوَا فَادْعُهُمْ إِلَى إِعْطَاءِ الْجُزْيَةِ، فَإِنْ أَجَابُوكَ فَاقْبِلْ مِنْهُمْ وَكُفَّ عَنْهُمْ، فَإِنْ أَبْوَا فَاسْتَعْنُ بِاللَّهِ وَقَاتِلُهُمْ، وَإِذَا حَاصَرْتَ أَهْلَ حِصْنٍ فَأَرْادُوكَ أَنْ تُنْزِلَهُمْ عَلَى حُكْمِ اللَّهِ فَلَا تُنْزِلْهُمْ، فَإِنَّكُمْ لَا تَنْزِلُونَ مَا يَحْكُمُ اللَّهُ فِيهِمْ، وَلَكُمْ أَنْزِلُوهُمْ عَلَى حُكْمِكُمْ، ثُمَّ افْضُوا فِيهِمْ بَعْدُ مَا شَئْتُمْ.

Daripada Sulaiman bin Buraidah, daripada bapanya, beliau berkata: apabila Rasulullah SAW menghantar seorang ketua bagi kumpulan tentera Baginda akan berpesan kepada supaya bertakwa kepada Allah pada dirinya sendiri dan orang Islam yang bersama dengannya supaya berbuat kebaikan. Baginda bersabda: jika engkau menemui musuhmu dari kalangan musyrikin maka serulah mereka kepada salah satu daripada tiga perkara, yang mana satu mereka menyahutmu akannya, maka terimalah daripada mereka dan tahanlah diri daripada mereka. Serulah mereka kepada Islam, jika mereka menyahutmu maka terimalah daripada mereka. Kemudian serulah mereka kepada meninggalkan negeri mereka kepada negeri Muhajirin dan beritahu mereka jika mereka melakukan demikian itu mereka memperolehi apa yang diperolehi Muhajirin dan ke atas mereka apa yang dilakukan oleh Muhajirin, jika mereka enggan dan memilih negeri mereka maka beritahu mereka bahawa mereka seperti orang Arab Islam, terkena ke atas mereka hukum Allah yang terkena ke atas orang mukmin, dan mereka tidak mempunyai bahagian daripada al-Fai, melainkan mereka berjihad bersama-sama orang Islam. Jika mereka enggan maka serulah mereka supaya memberi jizyah, jika mereka menyahut maka terimalah daripada mereka dan tahanlah diri daripada mereka, jika mereka enggan maka mohonlah pertolongan daripada Allah dan perangilah mereka. Jika engkau mengepung penduduk suatu benteng lalu mereka mahu engkau meletakkan mereka di atas hukum Allah maka jangan engkau meletakkan akan mereka. Sesungguhnya kamu tidak tahu apa yang akan Allah hukumkan pada mereka, akan tetapi letakkanlah mereka di atas hukuman kamu, kemudian kamu jalankanlah pada mereka selepas itu apa yang kamu mahu<sup>59</sup>.

Nabi SAW menyuruh supaya tentera Islam memberi tiga tawaran kepada musuh. Jika mereka bersetuju terhadap mana-mana satu daripada tiga perkara tersebut maka serangan tidak boleh dilancarkan. Pertama: menggesa mereka supaya menganut Islam, kedua: menganut Islam dan berhijrah ke Madinah seterusnya mendapat kelebihan Muhajirin atau tinggal di negeri masing-masing dan ketiga: membayar jizyah.

Al-Hasan al-Basri berpendapat harus menyerang orang kafir yang sudah sampai dakwah kepada mereka tanpa memberi tiga pilihan di atas. Ia juga merupakan pandangan Sufyan al-Thauri, Imam Ahmad, Ishaq bin Rahawaih dan beberapa lagi. Orang kafir yang mendiami tempat yang jauh daripada orang Islam, mereka tidak diperangi melainkan selepas diajak kepada Islam. Jika ada yang terbunuh sebelum seruan dibuat maka wajib dikenakan kafarah dan diyat. Terdapat khilaf di kalangan ulama berkenaan hukuman kafarah. Manakala hukuman diyat tidak diperselisihkan<sup>60</sup>.

<sup>59</sup> Abu Daud (2009). *Op. Cit.*, Kitāb al-Jihad, Bāb Fī Du‘ā’ al-Mušrikīn, No: 2612, j. 3, h. 37.

<sup>60</sup> Hamd bin Muhammad bin Ibrahim al-Ḥaṭṭābī (2012). *Op. Cit.*, j. 2, h. 262.

Pendapat Tabiin al-Hasan al-Basri mengecualikan keadaan orang kafir yang tidak sampai kepada mereka berita tentang Islam. Makna hadis hanya terpakai kepada golongan kafir yang pernah mendengar dakwah yang mana kebiasaannya mereka tinggal di tempat yang berdekatan dengan penempatan orang Islam.

#### Contoh:

أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ، أَخْبَرَهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ: أَنْصِثْ، وَإِلَمَامُ يَخْطُبُ، فَقُدْ لَغَوْثٌ.

Sesungguhnya Abu Hurairah memberitahu kepadanya (Said bin al-Musayyib): sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: jika engkau berkata kepada kawanmu pada hari Jumaat “diam” ketika imam sedang berkhutbah maka engkau telah lalai<sup>61</sup>.

Ibnu al-Munzir berkata: “Al-Nakha‘i, Said bin Jubair, Ibrahim bin Muhajir, al-Sya’bi dan Abu Burdah bercakap-cakap ketika al-Hajjaj sedang berkhutbah. Sebahagian mereka berkata: kami tidak disuruh untuk mendengar ini”. Ibnu Hazm berkata: “diriwayatkan kepada kami daripada sanad Sufyan al-Thauri, daripada Mujalid, beliau berkata: aku melihat al-Sya’bi dan Abu Burdah bin Abi Musa al-Asy‘ari bercakap-cakap ketika al-Hajjaj sedang berkhutbah apabila dia berkata: Allah melaknat orang ini dan Allah melaknat orang ini. aku pun berkata: kamu berdua bercakap ketika khutbah?. Kedua-duanya menjawab: kami tidak diperintahkan untuk mendengar ini”. Ibnu Hazm menjelaskan: “al-Hajjaj dan pengkhutbah-pengkhutbahnya melaknat Ali dan Ibnu al-Zubair”. Ibnu Abd al-Bar menyebut: Abdullah bin Urwah mendengar khatib berkhutbah. Apabila khatib mencela Ali beliau berkata: kami tidak diperintahkan untuk mendengar ini”<sup>62</sup>.

Riwayat-riwayat ini dibawa oleh al-‘Iraqi di dalam kitab Tharh al-Tathrib Fi Syarh al-Taqrīb. Ia memperlihatkan pengecualian daripada diam semasa khatib sedang berkhutbah kepada bercakap-cakap jika pengkhutbah mengucapkan kata-kata yang tidak elok. Di dalam kisah yang diceritakan, ia adalah caci maki dan laknat kepada para Sahabat. Pengecualian ini dibuat oleh sekumpulan Tabiin seperti al-Nakh‘i, Said bin Jubair, Ibrahim bin Muhajir, al-Sya’bi, Abi Burdah bin Abi Musa al-Asy‘ari dan Abdullah bin Urwah.

#### 4. Mengambil Pendapat Yang Lebih Tepat (*Rajih*) Menurut Ijtihad Mereka

Dari sudut bahasa, *Rajih* adalah *Isim Fa‘il* daripada Kata Kerja (جَعَلَ). Kamus Besar Arab-Melayu Dewan<sup>63</sup> dan Kamus Marbawi<sup>64</sup> menterjemahkannya sebagai berat, sempurna dan melebihkan seseorang atau sesuatu. Pendapat yang *Rajih* terhasil daripada proses *Tarjih*.

*Tarjih* merupakan Kata Terbitan (*Masdar*) daripada Kata Kerja *Rajjaha* (رجَحَ)<sup>65</sup>. Ia diterjemahkan sebagai mengutamakan, melebihkan, cenderung kepadanya, menjadikan sesuatu senget sebelah dan menjadikan sesuatu kuat sebelah<sup>66</sup>. Takrif istilah menyifatkannya sebagai memperlihatkan kekuatan salah satu daripada dua dalil dengan menjadikannya lebih wajar diberi pertimbangan<sup>67</sup>. Kesimpulannya, ia adalah pemilihan satu pendapat daripada beberapa pendapat yang wujud yang dikira selari dan paling hampir kepada dalil.

<sup>61</sup> Al-Bukhari (2005). *Op. Cit.*, Kitāb al-Jumu‘ah, Bāb al-Inṣāt Yawm al-Jumu‘ah Wa-al-Imām Yaḥṭub, No: 934, h. 186.

<sup>62</sup> Abdul Rahim bin al-Husain bin Abdul Rahman al-‘Iraqī (2000). *Op. Cit.*, j. 3, h. 193.

<sup>63</sup> Osman Khalid et al (2015). Kamus Besar Arab Melayu Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 860.

<sup>64</sup> Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi (1998). Kamus Marbawi. Kuala Lumpur: Darul Nu’mān, h. 226.

<sup>65</sup> Ahmad al-‘Āyid et. al. (2003). Al-Mu’jam al-Arabi al-Asāsī. Tunis: al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li-al-Tabiyah Wa-al-Tiqāfah Wa-al-‘Ulūm, h. 505.

<sup>66</sup> Ahmad al-‘Āyid et. al. (2003), *Op. Cit.*, h. 505.

<sup>67</sup> Syaaban Muhammad Ismail (2008). *Op. Cit.*, j. 2, h. 195.

Berkenaan metode ini, Tabiin akan menolak pendapat yang dibawa oleh hadis di dalam sesuatu masalah. Namun begitu, mereka berpegang kepada pendapat lain yang juga berpandukan kepada dalil syarak. Dalil-dalil tersebut terdiri daripada al-Quran dan sebagainya.

**Contoh:**

عَنْ عَمْرُو بْنِ الْعَاصِ قَالَ: احْتَلَمْتُ فِي لَيْلَةٍ بارِدَةٍ فِي غَرْوَةٍ دَاتِ السُّلَاسِلِ فَأَشْفَقْتُ إِنْ أَعْسَلْتُ أَنْ أَهْلِكَ فَنِيمَمْتُ، ثُمَّ صَلَّيْتُ بِأَصْحَابِي الصُّبْحَ فَدَكَرُوا ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: يَا عَمْرُو صَلَّيْتَ بِأَصْحَابِكَ وَأَنْتَ جُنْبٌ؟، فَأَخْبَرَهُ بِالذِّي مَعَنِي مِنَ الْأَغْسِنَالِ، وَقُلْتُ إِلَيْيَ سَعْتُ اللَّهَ يَقُولُ: ﴿وَلَا تَقْتُلُو أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا﴾ (النساء: 29)، فَضَحِّكَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَلَمْ يُقْلِنْ شَيْئًا.

Daripada ‘Amru bin al-‘As, beliau berkata: aku telah bermimpi pada suatu malam yang sejuk semasa perang Zat al-Salasil lalu aku merasakan jika mandi aku akan mati lalu aku bertayammum. Kemudian aku solat dengan sahabat-sahabatku. Mereka memberitahu perkara tersebut kepada Nabi SAW lalu Baginda bersabda: wahai ‘Amru, engkau bersolat dengan sahabat-sahabatmu sedang engkau berjunub?. Aku memberitahuNya apa yang menghalangku untuk mandi dan aku berkata bahawa aku mendengar Allah berfirman: dan janganlah kamu membunuh diri kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu. Rasulullah SAW ketawa dan tidak berkata apa-apa<sup>68</sup>.

Para ulama berbeza pendapat dalam masalah mandi junub semasa cuaca sejuk. ‘Ata’ bin Abi Rabah mengambil pendapat yang keras. Beliau berkata: orang tersebut perlu mandi sekalipun dia berkemungkinan mati. Al-Hasan juga berpendapat sepertinya<sup>69</sup>. Ini berdalilkan kepada ayat al-Quran berikut:

﴿وَإِنْ كُنْتُمْ جُنَاحًا فَاطَّهُرُوا﴾

Terjemahan: Dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib<sup>70</sup>.

Pendapat ‘Ata’ bersalahan dengan makna hadis yang mengharuskan seseorang tidak mandi wajib disebabkan mudarat seperti sejuk. Nas yang dijadikan sebagai dalil adalah umum ayat al-Quran. Kemungkinan ia merupakan pendapat yang lebih tepat menurut ijtiadnya di dalam masalah ini.

**Contoh:**

عَنْ جَعْفَرِ بْنِ عَمْرُو بْنِ أُمَيَّةَ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: رَأَيْتُ النَّبِيَّ ﷺ يَمْسَحُ عَلَى عِمَامَتِهِ وَحُقَّيْهِ.

Terjemahan: daripada bin Amru bin Ummayyah, daripada bapanya, beliau berkata: aku melihat Nabi SAW menyapu ke atas serban dan khufnya<sup>71</sup>.

Menyapu serban (‘Imamah) sebagai ganti menyapu kepala untuk berwuduk menjadi perdebatan di kalangan fukaha. Ada yang mengharuskan dan ada yang melarang. Beberapa Tabiin seperti Urwah, al-Nakh‘ie, Imam Malik tidak mengambil pandangan seperti mana yang dinyatakan di dalam hadis. Sebaliknya mereka berhujah dengan zahir ayat al-Quran yang menyuruh supaya menyapu air wuduk di atas kepala<sup>72</sup>:

﴿وَامْسَحُوا بِرُؤُوسِكُمْ﴾

Dan sapulah sebahagian dari kepala kamu<sup>73</sup>.

<sup>68</sup> Abu Daud (2009). *Op. Cit.*, Kitāb al- Ṭahārah, Bāb Idā Ḥāfa al-Junubu al-Barda Atayammamu, No: 334, j. 1, h. 92.

<sup>69</sup> Hamd bin Muhammad al-Khattabi (1932). *Op. Cit.*, j. 1, h. 103.

<sup>70</sup> Al-Maidah: 6.

<sup>71</sup> Al-Bukhari (2005). *Op. Cit.*, Kitāb al-Wudhu’, Bāb al-Mash ‘Ala al-Khuffain, No: 205, h. 63.

<sup>72</sup> Ali bin Khalaf bin Abdul Malik Ibnu Baṭṭāl (2008). *Op. Cit.*, j. 1, h. 307.

<sup>73</sup> Al-Maidah: 6.

Ayat al-Quran secara terang menyuruh menyapu kepala. Perbuatan menyapu di atas serban bukannya menyapu kepala<sup>74</sup>. Sementelahan ia adalah perkara asal dalam ibadah wuduk sedangkan hadis yang mengharuskan sapu di atas serban boleh ditakwilkan. Oleh itu, tidak boleh meninggalkan perkara asal yang sudah pasti kewajipannya dengan hadis yang mempunyai kebarangkalian<sup>75</sup>.

## 5. Mengambil Pendapat Yang Berbeza Daripada Hadis Tanpa Dinyatakan Dalil lain

Tabiin juga dilihat mengambil pendapat-pendapat yang bertentangan dengan makna *zahir* sesuatu hadis tanpa menyatakan dalil. Walaubagaimanapun, ini tidak bermakna ketiadaan dalil secara mutlak kerana barangkali ia dikemukakan pada tempat yang lain.

### Contoh:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: أَقِيمْتِ الصَّلَاةَ وَعُدِلَتِ الصُّفُوفُ قِيَامًا، فَخَرَجَ إِلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ، فَلَمَّا قَامَ فِي مُصَلَّاهُ، ذَكَرَ اللَّهُ جُنُبٌ، فَقَالَ لَنَا: مَكَانُكُمْ، ثُمَّ رَجَعَ فَأَعْسَلَ، ثُمَّ خَرَجَ إِلَيْنَا وَرَأْسُهُ يَقْطُرُ، فَكَبَرَ فَصَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Terjemahan: daripada Abu Hurairah, beliau berkata: telah diiqamatkan untuk solat dan saf-saf diluruskan dalam keadaan berdiri, lalu Rasulullah SAW keluar kepada kami, ketika Baginda berdiri di tempat solatNya Baginda teringat bahawa Baginda dalam keadaan junub. Baginda bersabda kepada kami: kekal di tempat kamu. Kemudian Baginda pulang lalu mandi. Kemudian Baginda keluar kepada kami sedang kepalaNya menitiskan air. Baginda bertakbir lalu kami bersolat denganNya<sup>76</sup>.

Ibnu al-Mulaqqin berkata: “Sebahagian Tabiin menyangka orang yang berjunub apabila lupa kemudian memasuki masjid dan teringat dia berjunub, dia perlu bertayammum”. Beliau menyambung: “Dan hadis ini menyanggah pendapat itu”<sup>77</sup>.

Pendapat yang dipegang oleh sebahagian Tabiin ini berbeza samasekali dengan hadis. Ini kerana Nabi SAW yang dalam keadaan junub tidak bertayammum sebelum keluar daripada masjid. Kitab-kitab syarah yang menukilkan pendapat tersebut juga tidak memberitahu sebarang dalil yang digunakan.

## PENUTUP

Penulis berharap kajian terhadap metode Tabiin dalam menghuraikan hadis dapat dibuat dengan lebih mendalam. Hasil kajian akan dapat mengenal pasti kaedah-kaedah yang dibolehkan untuk menghuraikan sesuatu hadis. Selanjutnya mendapatkan kefahaman-kefahaman yang tepat terhadap nas-nas nabawi.

<sup>74</sup> Ali bin Khalaf bin Abdul Malik Ibnu Baṭṭāl (2008). *Op. Cit.*, j. 1, h. 307.

<sup>75</sup> Hamd bin Muhammad al-Khattabi (1932). *Op. Cit.*, j. 1, h. 57.

<sup>76</sup> Al-Bukhari (2005). *Op. Cit.*, Kitāb al-Ghusl, Bāb Iza Zakara Fi al-Masjid Annahu Junubun Yakhruju Kama Huwa Wala Yatayammamu, No: 275, h. 75.

<sup>77</sup> Umar bin Ali bin Ahmad Ibnu al-Mulaqqin (2008). Al-Taudhih Lisyarh al-Jami' al-Sahih. Damsyik: Dar al-Falah, j. 4, h. 612.

Timbul persoalan, bagaimana hendak bertayammum sedangkan Baginda SAW perlu keluar daripada Masjid untuk mendapatkan tanah?. Penulis telah membuat rujukan tetapi tidak menemui sebarang ulasan tentang perkara ini. Oleh yang demikian, penulis berpendapat jawapan yang paling munasabah ialah, lantai masjid pada zaman tersebut hanyalah daripada tanah yang bersih. Jika mahu bertayammum Baginda SAW boleh melakukannya ketika itu juga.

## RUJUKAN

1. Al-Quran (t. t.). Jeddah: Maktabah Rawai' al-Mamlakah.
2. Abdul Malik bin Abdullah al-Juwaini (t. t.) al-Talkhis Fi Usul al-Fiqh. Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
3. Abdul Rahim bin al-Husain bin Abdul Rahman al-'Iraqī (2000). Tarḥ al-Tatrīb Šarḥ al-Taqrīb. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
4. Abdul Rahim bin al-Husain bin Abdul Rahman al-'Iraqi (2002). Syarh al-Tabshirah wa-al-Tazkirah. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
5. Abdul Rahman bin Muhammad bin Muhammad Ibnu Abi Hatim al-Razi (1998). Tafsir al-Quran al-Azim. Mekah: Maktabah Nizar Musthafa al-Baz.
6. Abdullah bin Muhammad Ibn Abi Syaibah (1989). Al-Mushannaf Fi al-Ahadith wa-al-Athar. Beirut: Dar al-Taj.
7. Abu Daud Sulaiman bin al-Aṣ'at (2009). Sunan Abu Daud. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.
8. Ahmad al-'Āyid et. Al (2003). Al-Mu'jam al-Arabi al-Asāsī. Tunis: al-Munazzamah al-'Arabiyyah li-al-Tabiyah Wa-al-Tiqāfah Wa-al-'Ulūm.
9. Ahmad al-Sayyid al-Jadawi (2018). Al-Tabi'un Wahujjiyyat Aqwalihim: Dirasat Hadithiyyah. Kaherah: Majallat Kulliyyat al-Dirasat al-Islamiyyah wa-al-'Arabiyyah li-al-Banat Bikuf al-Sheikh. Bil. 2, Isu 3.
10. Ahmad bin al-Husain al-Baihaqi (2003). Al-Jami Li Syu'ab al-Iman. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
11. Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani (1959). Fath al-Bari Bisyarh Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar al-Ma'arifat.
12. Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani (2000). Nuzhat al-Nazar Fi Taudhib Nukhbat al-Fikr Fi Musthalah Ahl al-Athar. Damsyik: Mathba'ah al-Sobah.
13. Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani (2008). Nataij al-Afkar Fi Takhrij Ahadith al-Azkar. Beirut: Dar Ibnu Kathir.
14. Ahmad bin Hanbal (2001). Al-Musnad. Beirut: Muassasah al-Risalah.
15. Ahmad bin Yunus bin Muhammad Ibn al-Syilbi (1896). Hasyiyah al-Syilbi. Kaherah: al-Mathba'ah al-Amiriyyah al-Kubra Bulaq.
16. Ali bin Khalaf bin Abdul Malik Ibnu Baṭṭāl (2008). Šarḥ Ibnu Baṭṭāl Li-Saḥīḥ al- al-Buhārī. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
17. Ali bin Sulthan Muhammad al-Qari (2002). Mirqat al-Mafatih Syarh Mushkat al-Masabih. Beirut: Dar al-Fikr.
18. Ali bin Sulthan Muhammad al-Qari (t. t.). Syarh Syarh Nukhbat al-Fikr. Beirut: Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam.
19. Anida Sarudin & Nor Hashimah Jalaluddin (2017). Analisis Semantik Kognitif Kata Serapan Arab-Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
20. Hamd bin Muhammad al-Khattabi (1932). Ma'alim al-Sunan. Halab: al-Mathba'ah al-'Ilmiyyah.

21. Hamd bin Muhammad bin Ibrahim al-Ḥattābī (2012). Ma‘ālim al-Sunan. Beirut: Muassasah al-Risalah.
22. Muhammad bin Abdul Rahman bin Muhammad al-Sakhawi (2003). Fath al-Mughith Bisyarh Alfiyat al-Hadith li-al-‘Iraqi. Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
23. Muhammad bin Abdullah al-Zarkasyi (1994). Al-Bahr al-Muhith. Amman: Dar al-Kutubi.
24. Muhammad bin Abdullah Ibnu al-Arabi (1992). Al-Qabas Fi Syarh Muwattha’ Malik Bin Anas. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
25. Muhammad bin Ahmad al-Zahabi (1985). Siyar A‘alam al-Nubala’. Beirut: Muassasah al-Risalah.
26. Muhammad bin Ismail Al-Bukhari (2005). Sahih al-Bukhari. Riyadh: Bait al-Afkar al-Duwaliyyah.
27. Muhammad bin Muflīh al-Maqdasi (1999). Usul al-Fiqh. Riyadh: Maktabah al-‘Abaikan.
28. Muhammad bin Muhammad al-Ru‘īnī al-Ḥatṭāb (2001). Qurrat al-‘Ayn Li- Ṣarh Waraqāt Imām al-Ḥaramayn. Beirut: Dar al-Masyari’.
29. Muhammad bin Ya‘akub al-Fairuzabadi (2005). Al-Qamus al-Muhith. Beirut: Muassasah al-Risalah.
30. Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi. Kamus Marbawi (1998). Kuala Lumpur: Darul Nu’mān.
31. Muhyi al-Din bin Syaraf al-Nawawi (1925). Al-Majmu’ Syarh al-Muhazzab. Kaherah: Mathba‘ah al-Tadhamun al-Akhawi.
32. Muslim bin Al-Ḥajjāj (1998). Sahih Muslim. Riyadh: Bait al-Afkar al-Duwaliyyah.
33. Noresah Baharom et al (2005). Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
34. Osman Khalid et al (2015). Kamus Besar Arab Melayu Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
35. Syaaban Muhammad Ismail (2008). Uṣūl Fiqh al-Muyassar. Beirut: Dar Ibnu Hazm.
36. Umar bin Ali bin Ahmad Ibnu al-Mulaqqin (2008). Al-Taudhib Lisyarh al-Jami’ al-Sahih. Damsyik: Dar al-Falah.
37. Uthman bin Abdul Rahman Ibnu al-Solah (2002). Ma‘arifat Anwa’ ‘Ilm al-hadith. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
38. Yahya bin Hubairah bin Muhammad Ibnu Hubairah (1996). Al-Ifshah Fi Ma‘ani al-Shihah. Riyadh: Dar al-Wathan.